

Headline	Makanan ikan daripada sisa kelapa sawit		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	34	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	519 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,654
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,962



# Makanan ikan daripada sisa kelapa sawit

Produk hasil sisa kilang minyak kelapa yang dicipta oleh penyelidik Universiti Malaya itu terbukti berkualiti.



SATU kajian yang dilakukan oleh sekumpulan empat orang ahli sains dari Universiti Malaya (UM) mendapati, sisa kilang minyak kelapa sawit (POME) boleh digunakan sebagai bahan makanan untuk ikan peliharaan.

POME adalah hasil lebih kilang minyak sawit yang boleh mencemarkan alam sekitar jika tidak dilupus dengan betul.

Sisa kelapa sawit tersebut sering dijadikan modal kritikan oleh sesetengah pihak untuk menentang industri minyak sawit yang merupakan salah satu sumber ekonomi terbesar negara.

Makanan ikan yang diberi nama POME BAC itu merupakan bahan organik yang kaya dengan protein, tidak beracun, senang digunakan dan amat sesuai dijadikan sebagai makanan ikan berharga tinggi.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Prof. Dr. Chong Ving Ching, Prof. Dr. Shaliza Ibrahim, Prof. Dr. Vikineswary Sabaratnam dan Dr. Loo Poh Leong itu mendapati bahawa POME BAC lebih



HASIL kajian yang dilakukan empat profesor UM mendapati bahawa POME BAC lebih murah daripada makanan ikan yang terdapat di pasaran.

murah daripada makanan ikan yang terdapat di pasaran.

Bahan yang digunakan dalam penghasilan makanan ikan ketika ini seperti protein dan minyak ikan semakin berkurangan sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan harga.

Oleh itu, menerusi penggunaan POME, masalah kekurangan protein dan minyak ikan dapat diatasi.

Tambah menarik, POME BAC juga

didapati boleh menghasilkan ikan yang berkualiti tinggi dan digunakan pada pelbagai peringkat umur tumbesaran ikan.

Ia berbeza dengan makanan akuakultur ikan di dalam pasaran ketika ini yang tidak boleh diberikan kepada anak ikan sebelum ia mencapai peringkat umur tertentu.

Kos menghasilkan POME BAC juga jauh lebih rendah berbanding bahan ma-



POME BAC merupakan bahan organik yang kaya dengan protein dan tidak beracun.

kanan ikan yang berada di pasaran sekarang.

Produk ini masih dalam tempoh pra pengkomersilan dan dijangka akan berada dalam pasaran menjelang tahun 2016.

Hasil kajian tersebut juga dibentangkan di Simposium Penyelidikan Akademik mengenai Kelestarian Minyak Sawit (ARPOS) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini.

ARPOS dianjurkan oleh UKM dan rakan kongsi industri untuk penyelidikan dalam kelestarian minyak sawit agar maklumat yang diperolehi tidak mudah diputarbelit oleh pihak-pihak tertentu.

Simposium itu membentangkan penyelidikan mengenai kemampuan minyak sawit yang dihadiri oleh wakil dari 13 buah universiti tempatan.

• Kami mengalu-alukan sumbangan maklumat mengenai inovasi dan penyelidikan dari institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Sebarang maklumat dan pertanyaan boleh dihantar ke sisipan *Infiniti* menerusi e-mel [rencana@kosmo.com.my](mailto:rencana@kosmo.com.my).